

# Ramai belia

## Jalan Daud

### mengikuti

### latihannya

**KEMAYANGAN** Seksi Kebudayaan dan Kesenian Persatuan Belia Jalan Daud, Muar mengadakan majlis khathan seni silat Melayu dan Jepun (jujitsu) telah dipuji oleh Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan Joror Utara baru-baru ini.

Pengerusi Seksi Kebudayaan dan Kesenian Persatuan Belia Jalan Daud, Enck Abd Rahim Hj. Mohd Amin menerangkan semenjak empat ini ditubuhkan empat tahun lalu, inilah kali pertama kesenian mempertahankan diri lain dari seni silat Melayu ditunjukkan.

Silat jujitsu ini diperkenalkan kepada ahli-ahli persatuan Belia Jalan Daud oleh Enck Yaakub Elias, seorang pemegang talipینگgang hitam kelas pertama. Beliau mempelajari seni silat Jepun ini semasa menuntutur di Canada.

Seramai 27 orang belia dari persatuan kami, dua daripada belia India belajar sensilat ini empat kali seminggu.

Setelah tamat mengikuti kursus satu pepe-rikan telah diadakan. Tujuh orang mendapat talipینگgang hijau dan dua puluh orang lagi mendapat talipینگgang kuning.

Menurut pengerusi ini lagi, persatuan belia akan mengadakan lebih banyak lagi kursus-kursus seni budaya ini di masa hadapan. Ini kerana memandangkan sambutan orangeramal terhadap sensilat dari negara matahari terbit ini sangat mengagumkan.

Kursus jujitsu ini tidak sahaja terhad kepada belia-belia semata.

tetapi juga kepada belia-wanis-beliawanis.

Di samping merupakan satu latihan jasmani, ia juga satu seni mempertahankan diri dari serangan musuh.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Penghulu Mukim Bandar, Enck Idris Jamal.

Peserta-peserta wanita persatuan ini juga tidak ketinggalan menunjukkan kebolehan mereka dalam seni silat Melayu.

Setiannya, Persatuan Belia Jalan Daud, Enck Mutalib Hj Omar, mewakili kepada belia-belia dan belia-wanis tentama sekali mereka yang tinggal di sekitar kawasan Jalan Daud supaya bertamaramal menjadi ahli persatuan itu. —**KAWA-LUDDIN MUSTAPA.**